



www.tourism.gov.my

SIARAN MEDIA BERSAMA

letourdelangkawi.my

TOURISM MALAYSIA TAJA JERSI POLKA DOT RAJA BUKIT LE TOUR DE LANGKAWI 2023

KUALA LUMPUR, 18 September 2023 – Majlis Sukan Negara (MSN) selaku penganjur PETRONAS Le Tour de Langkawi (LTDL) 2023, hari ini memperkenalkan Tourism Malaysia sebagai penaja jersi Raja Bukit atau *King of the Mountain* bagi perlumbaan berbasikal itu yang bakal menyaksikan permulaan saingan di Kerteh, Terengganu pada 23 September ini.

Dengan tajaan sebanyak RM1 juta, kehadiran Tourism Malaysia yang mengangkat jenama “Malaysia Truly Asia”, bakal memeriahkan lagi perlumbaan berstatus ProSeries tersebut selama lapan hari sekali gus mempromosikan segmen pelancongan sukan negara.

Selain tajaan tunai, Tourism Malaysia turut membawakan persembahan kebudayaan tradisional di setiap lokasi pelepasan selain kemunculan pempengaruh media sosial di beberapa lokasi perlumbaan bagi mempromosikan LTdL secara lebih meluas khususnya di Indonesia.

Dato’ Dr. Ammar Abd. Ghapar, Ketua Pengarah Tourism Malaysia berkata, kolaborasi penajaan tersebut bukanlah suatu yang baharu kerana pihaknya telah turut sama mempromosikan LTdL sejak awal penganjurannya pada tahun 1996.

“Tourism Malaysia amat berbesar hati atas penghormatan yang diberikan oleh pihak penganjur kepada kami untuk menyarungkan jersi Raja Bukit di setiap lapan peringkat perlumbaan kepada pemenang.

“Keputusan penajaan ini diambil berdasarkan kepada keseluruhan pakej pulangan yang cukup lengkap, khas untuk mempromosikan jenama “Malaysia Truly Asia” ke seluruh dunia bagi menonjolkan keunikan kepelbagaian bangsa dan budaya sekali gus mempamerkan imej Malaysia sebagai salah sebuah destinasi pelancongan pilihan di rantau ini,” katanya.

Gelaran Raja Bukit sememangnya menjadi menjadi tumpuan dalam banyak perlumbaan besar seperti Tour de France, Giro d'Italia dan Vuelta a Espana, justeru menjadi pertarungan pelumba untuk menyambar jersi berkenaan, khususnya melibatkan cabaran terbesar Peringkat 5 LTdL di Genting Highlands yang turut diiktiraf sebagai antara pendakian sukar dalam perlumbaan berbasikal dunia.

Tumpuan peminat tempatan pastinya teralih kepada Muhammad Nur Aiman Zariff, pelumba negara mewakili Terengganu Polygon Cycling Team, yang sebelum ini menggunakan kebijaksanaannya untuk mengumpul mata di zon pendakian mudah selain berusaha menempatkan diri dalam kelompok terbaik ketika mengungguli Raja Bukit dalam edisi LTdL 2020 dan 2022.

Sementara itu, Ketua Pengarah MSN, Dato' Ahmad Shapawi Ismail berkata, dengan promosi siaran langsung di Eurosport dan televisyen tempatan serta platform perkongsian video YouTube dan TikTok, penajaan LTdL mampu memberikan pulangan yang berlipat kali ganda.

Selain itu, menerusi program promosi seperti konvoi Calvacade atau perarakan kereta serta acara sampingan yang membawa jenama Tourism Malaysia, beliau percaya rakyat tempatan juga akan terus memilih destinasi-destinasi percutian menarik di dalam negara.

Bertemakan "Beat The Heat", LTdL 2023 dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan menerusi MSN dengan kerjasama Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM). Saingan Peringkat 1 akan bermula di Kerteh, Terengganu dan melewati 11 daripada 12 negeri di Semenanjung Malaysia sehingga ke Peringkat 8 yang akan berakhir di perkarangan Menara Berkembar PETRONAS (KLCC) pada 30 September ini.

Sebanyak 22 pasukan terdiri daripada dua pasukan berstatus WorldTeam, lapan pasukan ProTeam, 11 pasukan Continental dan pasukan kebangsaan Malaysia, akan bertanding dalam perlumbaan kali ini.

SENARAI PASUKAN LTdL 2023

BIL.	PASUKAN	KATEGORI	NEGARA DIDAFTARKAN
1.	ASTANA QAZAQSTAN TEAM	UCI WORLD TEAM	KAZAKHSTAN
2.	EF EDUCATION-EASYPOST	UCI WORLD TEAM	USA
3.	CAJA RURAL-SEGUROS RGA	UCI PROTEAM	SEPANYOL

4.	EQUIPO KERN PHARMA	UCI PROTEAM	SEPANYOL
5.	EUSKALTEL – EUSKADI	UCIPROTEAM	SEPANYOL
6.	GREEN PROJECT - BARDIANI CSF - FAIZANE	UCI PROTEAM	ITALI
7.	TEAM CORRATEC – SELLE ITALIA	UCI PROTEAM	ITALI
8.	HUMAN POWERED HEALTH	UCI PROTEAM	USA
9.	TUDOR PRO CYCLING TEAM	UCI PROTEAM	SWITZERLAND
10.	BOLTON EQUITIES BLACK SPOKE PRO CYCLING	UCI PROTEAM	NEW ZEALAND
11.	TERENGGANU POLYGON CYCLING TEAM	UCI CONTINENTAL	MALAYSIA
12.	7ELEVEN CLIQQ - AIR21 BY ROADBIKE PHILIPPINES	UCI CONTINENTAL	FILIPINA
13.	NUSANTARA CYCLING TEAM	UCI CONTINENTAL	INDONESIA
14.	HENGXIANG CYCLING TEAM	UCI CONTINENTAL	CHINA
15.	LI NING STAR	UCI CONTINENTAL	CHINA
16.	GIANT CYCLING TEAM	UCI CONTINENTAL	CHINA
17.	ST GEORGE CONTINENTAL CYCLING TEAM	UCI CONTINENTAL	AUSTRALIA
18.	KSPO PROFESSIONAL	UCI CONTINENTAL	KOREA SELATAN
19.	JCL TEAM UKYO	UCI CONTINENTAL	JEPUN
20.	ROOJAI ONLINE INSURANCE	UCI CONTINENTAL	THAILAND
21.	THAILAND CONTINENTAL CYCLING TEAM	CONTINENTAL	THAILAND
22.	MALAYSIA NATIONAL TEAM	CONTINENTAL	KEBANGSAAN

TAMAT

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi

pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [Twitter](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Muadz Samat Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat muadz@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8755	Sarah Yasmin Khairuddin Pengurus Pemasaran & Penajaan Sekretariat Le Tour de Langkawi ltdl@nsc.gov.my Tel: +6013 2800883
--	--